

188 individu terima darjah kebesaran

Sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 di Istana Melawati

PUTRAJAYA

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kepada seramai 188 penerima sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 di Istana Melawati di sini semalam.

Seramai tiga individu didahului oleh Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Mohd Zawawi Salleh dianugerahkan darjah Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Selain Mohd Zawawi yang dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan pada 27 April 2018, turut dianugerahkan SMW ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Hasnol Zam Zam Ahmad dan Ketua

Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mazlan Yusoff.

Hasnol dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkait kuasa semalam.

Istiadat yang berlangsung buat pertama kali di Istana Melawati itu turut menyaksikan seramai 25 individu dianugerahkan Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk.

Penerima PMW yang lain ialah Pengarah Sektor Audit Tadbir Urus, Jabatan Audit Negara, Nor Salwani Muhammad; Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Dr Watchalla R R Suppiah serta Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (TH), Nik Mohd Hasyudeen Yusoff.

Selain itu, seramai 39 individu dianugerahkan Johan Mahkota Wilayah (JMW), seramai 27 individu




NIK MOHD HASYUDEEN

HASNOL ZAM ZAM

menerima anugerah Kesatria Mahkota Wilayah (KMW), seramai 36 individu menerima anugerah Ahli Mahkota Wilayah (AMW) dan seramai 68 individu menerima Pingat Pangkuhan Mahkota Wilayah (PPW).

Pentadbir sukan dan beberapa atlet merupakan antara individu yang turut diberikan anugerah antaranya Timbalan Presiden Persatuan Badminton Kuala Lumpur, Mohd Taupik Hussain yang menerima JMW serta jaguh bina badan negara, Mohd Syarul Azman Mahen serta atlet karate negara, S Prem Kumar yang masing-masing dianugerahkan KMW dan PPW. - Bernama



Al-Sultan Abdullah berkenan menyampaikan darjah Seri Mahkota Wilayah (SMW) kepada Mohd Zawawi pada Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan di Istana Melawati semalam.

FOTO:BERNAMA